



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR




BUKU PANDUAN



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR



BUKU PANDUAN

"Program Perkembangan Profesional Berterusan dapat memperkasakan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi selaras dengan perkembangan terkini dalam perkhidmatan kaunseling. Maka dengan itu, kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik secara profesional dan beretika."



ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	5
2.	Sistem Pengumpulan Mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar	6
	• Pengenalan	7
	• Skop Pemakaian Sistem Mata	8
	• Kategori Program/Aktiviti Pengumpulan Mata	9-19
	• Kriteria Pengiraan Mata	20
	• Tarikh Kuatkuasa	21
3.	Pelaksanaan Sistem Mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar	22
	• Perakuan Penyedia Perkhidmatan	23
	• Perakuan Program	24
	• Pengumpulan Mata Program	25
4.	Panduan Pelaksanaan	26-28
5.	Penutup	29

Pendahuluan

Melihat perkembangan semasa yang berlaku dalam era globalisasi masa kini yang berteraskan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepakaran, Lembaga Kaunselo berpendapat perlunya diwujudkan satu program penjanaaan ilmu yang berterusan terhadap kaunselor berdaftar untuk mengharungi cabaran globalisasi. Cabaran globalisasi dan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia membawa kepada pengenalan terhadap program ini.

Program Perkembangan Profesional Berterusan (CPD) Kaunselor Berdaftar adalah usaha bersepadu Lembaga Kaunselor bagi memastikan Kaunselor Berdaftar melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan nilai serta amalan profesional melalui program latihan yang terancang dan sistematik supaya kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika kepada masyarakat secara amnya.

Program Perkembangan Profesional Berterusan ini diwajibkan kepada semua kaunselor berdaftar yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor. Ini memerlukan kaunselor berdaftar untuk memenuhi minimum mata Program Profesional Berterusan yang perlu dihadiri dalam tempoh masa dua (2) tahun sebagai syarat wajib bagi membolehkan Perakuan Amalan Dwitahunan diperbaharui.

**SISTEM PENGUMPULAN MATA
PROGRAM PERKEMBANGAN
PROFESIONAL BERTERUSAN**

**KAUNSELOR
BERDAFTAR**

1. Pengenalan

**2. Skop Pemakaian
Sistem Mata**

**3. Kategori Program/
Aktiviti Pengumpulan
Mata**

**4. Kriteria Pengiraan
Mata**

5. Tarikh Kuatkuasa

Pengenalan

Garis panduan pelaksanaan bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar bertujuan menjelaskan proses pelaksanaan sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development*) dalam prosedur pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan kaunselor berdaftar.

Sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan ini diperkenalkan adalah bertujuan untuk memperkasakan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi selaras dengan perkembangan terkini dalam perkhidmatan kaunseling supaya kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika.

Garis Panduan ini juga turut menjelaskan skop pemberian mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan dan kriteria pengiraan mata bagi program atau aktiviti yang boleh diterima sebagai penyumbang mata dalam sistem ini dan penguatkuasaannya.

***Pelaksanaan
sistem mata
dalam
prosedur
pembaharuan
Sijil Perakuan
Amalan
Dwitahunan
kaunselor
berdaftar***

Skop Pemakaian Sistem Mata

Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar

Sistem mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar ini hendaklah terpakai bagi tujuan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan oleh kaunselor berdaftar berdasarkan peruntukkan di bawah Subseksyen 12(k) Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan di bawah Subseksyen 40(2)(b) Akta Tafsiran 1967 (Akta 388).

“power to grant a licence, permit, authority, approval or exemption includes power to impose conditions subject to which the licence, permit, authority, approval or exemption is granted; and”

**INTERPRETATION ACTS
1948 AND 1967**

14

KATEGORI

Program/Aktiviti Pengumpulan Mata

Kategori Wajib

- ♦ Kategori 1
- ♦ Kategori 2
- ♦ Kategori 3

Kategori Pilihan

- ♦ Kategori 1
- ♦ Kategori 2
- ♦ Kategori 3
- ♦ Kategori 4
- ♦ Kategori 5
- ♦ Kategori 6
- ♦ Kategori 7
- ♦ Kategori 8
- ♦ Kategori 9
- ♦ Kategori 10
- ♦ Kategori 11

Kategori Wajib 1

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada program berikut: Kongres/ Persidangan/ Seminar/ Konvensyen/ Kolokium (Kebangsaan/ Antarabangsa)			6 mata
3 hari atau lebih	6 mata	1. Program ini mesti mengandungi aktiviti berikut: a) mempunyai sesi plenari /simposia. b) mempunyai pembentangan bebas/poster.	
2 hari	4 mata	2. Program dalam kategori ini hendaklah program khusus berkaitan kompetensi kaunselor.	
1 hari	2 mata	3. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	



Kategori Wajib 2

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
<p>Kategori ini merujuk kepada program berikut:</p> <p>Bengkel /kursus yang berkaitan dengan kompetensi kaunselor</p> <p>a) 2 hari atau lebih b) 1 hari c) Separuh hari</p>	<p>3 mata 2 mata 1 mata</p>	<ol style="list-style-type: none"> Program ini mengandungi aktiviti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Ceramah Pembentangan / perbincangan Tayangan video <p>Main Peranan</p> Program dalam kategori ini merupakan program khusus berkaitan kompetensi kaunselor. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan. 	6 mata



Kategori Wajib 3

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada aktiviti berikut: Penyertaan dalam aktiviti lain yang berkaitan dengan pembangunan dan peningkatan sendiri (peningkatan kemahiran, kebolehan dan kerjaya yang dapat dicapai dengan mempraktikkan pengetahuan, pendedahan kepada pelbagai idea dan pengalaman melalui latihan dan mentoring): a) Peringkat daerah b) Peringkat negeri c) Peringkat kebangsaan d) Peringkat antarabangsa	1 mata 2 mata 3 mata 5 mata	Aktiviti ini mengandungi perkara berikut: 1. Aktiviti ini tidak terhad kepada fungsi kompetensi sebagai kaunselor. 2. Bukti dokumentasi yang disahkan perlu dikemukakan.	5 mata

Kategori Pilihan 1

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada mesyuarat profesional di Institusi Pengajian Tinggi/ Sekolah/ Agensi/ Persatuan	1 mata	<ol style="list-style-type: none">1. Program ini adalah menghadiri mesyuarat profesional yang berkaitan dengan perkhidmatan/aktiviti kaunselor.2. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	6 mata

Kategori Pilihan 2

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada program berikut : Menghadiri sesi/ aktiviti profesional Forum, Ceramah/Syarahan, Tayangan Video	1 mata	<ol style="list-style-type: none">1. Menghadiri aktiviti ini sebagai peserta dan aktiviti ini mesti melebihi 2 jam.2. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	8 mata

Kategori Pilihan 3

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada program pembentangan berikut:			10 mata
a) Ucapan utama	10 mata	1. Mata kredit ini adalah tambahan kepada kehadiran penuh delegasi pada Kongres/ Mesyuarat Profesional/ Bengkel/ Persidangan/ Seminar/ Konvensyen/ Kolokium (Kebangsaan/ Antarabangsa).	
b) Penceramah jemputan	5 mata	2. Sekiranya hadir untuk pembentangan sahaja hanya mata kategori ini sahaja diberikan.	
c) Penceramah Plenari	3 mata	3. Penceramah jemputan merujuk kepada seseorang yang dijemput secara rasmi untuk berceramah di tempat yang bukan tempat kerjanya.	
d) Lain-lain ceramah	3 mata		
e) Penerangan (Demonstrasi)	3 mata	4. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	

Kategori Pilihan 4

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada penulisan bercetak/ elektronik seperti berikut:		1. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	10 mata
a) Buku	10 mata		
b) Jurnal diindeks	8 mata		
c) Jurnal tidak diindeks	5 mata		
d) Setiap bab dalam buku	3 mata		
e) Nota Refleksi	3 mata		
f) Laporan teknikal/kertas konsep	3 mata		



Kategori Pilihan 5

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada aktiviti berikut: Pembelajaran sendiri/ pembelajaran kumpulan/ Pembelajaran jarak jauh/ Pembelajaran atas talian.	1 mata/ kertas/ sesi/ modul	<ol style="list-style-type: none">1. Membaca kertas profesional dari jurnal diindeks.2. Menguruskan perbincangan kumpulan di bawah penyelaras yang diberi pengiktirafan.3. Mentadbir sendiri soalan aneka pilihan.4. Mengikuti satu modul pembelajaran atas talian.5. Bukti dokumentasi dalam bentuk sinopsis/jadual/laporan yang disahkan perlu dikemukakan sebagai bukti.6. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	5 mata

Kategori Pilihan 6

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada penganugerahan berikut:		1. Mata CPD bagi kategori ini hanya akan diberikan bagi tahun penganugerahan. 2. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	20 mata
1. Doktor Falsafah	20 mata		
2. Program Sarjana, Program Ijazah Lanjutan	15 mata		
3. Latihan Bertauliah	10 mata		

Kategori Pilihan 7

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada program berikut:		1. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	8 mata
Penglibatan sebagai ahli jawatankuasa atau ahli projek:	4 mata untuk ketua projek		
1. Inisiatif dan Inovasi Kualiti	2 mata untuk ahli		
2. Projek penyelidikan (sebagai penyelidik/kolaborator)			
3. Latihan			
4. Pembangunan modul			

Kategori Pilihan 8

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Kategori ini merujuk kepada program berikut: Penglibatan dalam penerbitan Jurnal sebagai:		1. Merujuk kepada penerbitan jurnal, laporan khas dan bulletin.	6 mata
a) Editor	4 mata	2. Bukti dokumentasi perlu dikemukakan.	
b) Lembaga Editori	2 mata		
c) Penilai artikel	2 mata setiap artikel		

Kategori Pilihan 9

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan/ Persatuan/ NGOs yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS)	1 mata	1. Bukti dokumentasi yang disahkan perlu dikemukakan. 2. Pertubuhan/Persatuan/ NGOs yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS)	3 mata

Kategori Pilihan 10

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Sesi Kaunseling	5 mata	Bukti ringkasan laporan kemajuan perlu dikemukakan.	5 mata

Kategori Pilihan 11

Program	Mata CPD	Nota Kriteria/ Keterangan	Mata Maksimum Untuk Pengiraan Tahunan
Sesi Penyeliaan	5 mata	<ol style="list-style-type: none">1. Penyeliaan klinikal yang dijalankan oleh kaunselor terhadap kaunselor lain.2. Bukti ringkasan laporan penyeliaan perlu dikemukakan.	5 mata

KRITERIA PENGIRAAN MATA

PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN

1

Jumlah mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar yang wajib dikumpulkan dalam tempoh dua (2) tahun oleh kaunselor berdaftar adalah 20 mata yang mana 10 mata adalah gabungan dari kategori wajib dan 10 mata lagi adalah dari kategori pilihan Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

2

Kaunselor berdaftar mesti memperoleh 10 mata Perkembangan Profesional Berterusan setiap tahun yang terdiri daripada 5 mata dari kategori wajib dan 5 mata lagi dari kategori pilihan.

3

Jumlah mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar yang melebihi 20 mata bagi tempoh dua (2) tahun tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

4

Mata maksimum yang akan diambil kira adalah merujuk kepada jumlah maksimum mata Program Perkembangan Profesional Berterusan setiap kategori yang telah ditetapkan.

5

Pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan hanya akan diberikan kepada program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh Lembaga Kaunselor atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang telah diperakukan oleh Lembaga Kaunselor bagi tujuan pemberian mata. Bagi tujuan pemberian mata untuk semua program atau aktiviti, bukti kehadiran dan sijil penyertaan yang telah disahkan adalah diperlukan.

3 Oktober 2017

TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa pengumpulan mata Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar berkuatkuasa mulai **3 Oktober 2017**.

Pelaksanaan sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan dalam prosedur pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan kaunselor berdaftar yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor ini mula berkuatkuasa pada **3 Oktober 2019**.

**PELAKSANAAN
PROGRAM PERKEMBANGAN
PROFESIONAL BERTERUSAN**

KAUNSELOR BERDAFTAR

3 KOMPONEN UTAMA PELAKSANAAN

- 1. Perakuan Penyedia Perkhidmatan**
- 2. Perakuan Program**
- 3. Pengumpulan Mata CPD**



PERAKUAN PENYEDIA PERKHIDMATAN

Bagi tujuan melengkapkan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran terkini, Lembaga Kaunselor akan melantik dan memperaku organisasi atau agensi yang berkeelayakan sebagai Penyedia Perkhidmatan bagi melaksanakan latihan kepada kaunselor berdaftar di bawah Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

PERAKUAN PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH PENYEDIA PERKHIDMATAN

Penyedia Perkhidmatan yang ingin melaksanakan latihan kepada kaunselor berdaftar di bawah Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar perlu mendapatkan perakuan program terlebih dahulu daripada pihak Lembaga Kaunselor. Sekiranya program telah diperaku, Penyedia Perkhidmatan boleh menganjurkan latihan tersebut mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor.



PENGUMPULAN MATA PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR

Lembaga Kaunselor akan menguatkuasakan sistem pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar bermula 3 Oktober 2017 sebagai syarat untuk memperbaharui Perakuan Amalan Dwitahunan Kaunselor Berdaftar.



PANDUAN PELAKSANAAN

SISTEM MATA PROGRAM PERKEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR

Sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan ini diperkenalkan adalah bertujuan untuk memperkasakan kaunselor berdaftar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi selaras dengan perkembangan terkini dalam perkhidmatan kaunseling supaya kaunselor berdaftar sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik, secara profesional dan beretika.

- 1** Lembaga Kaunselor akan menguatkuasa pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar bermula **3 Oktober 2017** sebagai syarat untuk memperbaharui Perakuan Amalan Dwitahunan Kaunselor Berdaftar.

- 2** Pelaksanaan sistem mata bagi Program Perkembangan Profesional Berterusan dalam prosedur pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Dwitahunan kaunselor berdaftar ini mula berkuatkuasa pada **3 Oktober 2019**.

- 3** Lembaga Kaunselor akan melantik dan memperaku penyedia perkhidmatan bagi melaksanakan program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar.

- 4** Sistem pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar hanya diambil kira bagi program yang dianjurkan oleh Lembaga Kaunselor dan Penyedia Perkhidmatan yang telah diperakui oleh Lembaga Kaunselor.

- 5** Kaunselor berdaftar yang ingin menghadiri program bagi tujuan pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan boleh membuat semakan nama penyedia perkhidmatan, nama program dan nombor perakuan yang telah diperakui oleh Lembaga Kaunselor di Portal Lembaga Kaunselor **www.lkm.gov.my** bagi tujuan pengumpulan mata Perkembangan Profesional Berterusan.

- 6** Lembaga Kaunselor akan menyediakan borang laporan kehadiran program (**Borang LK/CPD 3**) seperti di lampiran dan penyedia perkhidmatan perlu memuat turun borang dari Portal Lembaga Kaunselor. Penyedia perkhidmatan perlu menghantar borang laporan yang lengkap bersama bukti kehadiran yang disahkan dan sijil penyertaan kepada Lembaga Kaunselor menerusi emel **lembaga.kaunselor@gmail.com** atau poskan ke alamat yang dinyatakan dalam **Borang LK/CPD 3**.

7 Kaunselor berdaftar perlu menghantar laporan kehadiran program kepada Lembaga Kaunselor.

8 Lembaga Kaunselor akan merekod setiap mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar yang diluluskan.

9 Kaunselor berdaftar boleh membuat semakan pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar dengan menghubungi urus setia di talian 03 83232521/2526 atau emel **lembaga.kaunselor@gmail.com**.

10 Lembaga Kaunselor akan mengeluarkan surat peringatan jumlah pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan (2 kali setahun) kepada kaunselor berdaftar.

11 Permohonan Pembaharuan Perakuan Amalan Dwitahunan tidak akan diproses sekiranya pengumpulan mata Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar masih tidak mencukupi seperti yang ditetapkan.

12 Garis panduan Program Sistem Perkembangan Profesional berterusan boleh dimuat turun di Portal Lembaga Kaunselor.

P ENUTUP

Pelaksanaan Program Perkembangan Profesional Berterusan Kaunselor Berdaftar ini merupakan syarat wajib kepada kaunselor berdaftar bagi memperbaharui Perakuan Amalan bagi membangun dan meningkatkan kompetensi serta menggalakkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran profesional kaunselor berdaftar.

